**PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM PERNIAGAAN**

**KERTAS 2 [BAHAGIAN A]**

**SET 1**

| **SOALAN** | **HURAIAN JAWAPAN** | **MARKAH** |
|---|---|---|
| 1 (a) | H1 – Meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan<br>H2 – Menyediakan ruang / peluang kepada semua golongan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan<br>H3 – Membantu membangunkan masyarakat kurang berkemampuan<br>H4 – Membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan perkhidmatan<br>H5 – Seperti perlindungan / pendidikan / rawatan / kaunseling<br>H6 – Memastikan nasib setiap insan yang memerlukan bantuan terbela dan terpelihara<br>H7 – Menjamin masa depan golongan kurang berkemampuan yang lebih baik | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| | | Mak 6m |
| 1 (b) | H1 – Dapat mengembangkan perniagaan secara global<br>H2 – Menikmati ekonomi bidangan dalam bentuk peningkatan dalam jumlah sesuatu pengeluaran<br>H3 – Mekanisme yang berkesan bagimenembusi pasaran baharu<br>H4 – Berkongsi risiko dan tanggungjawab dengan francaisi<br>H5 – Struktur pengurusan tidak begitu besar / pengurusan outlet francaisi dilakukan oleh francaisi sendiri | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| | | Mak 4m |

| SOALAN | HURAIAN JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 2 (a) | H1 – Keselamatan pengguna dalam aspek makanan, ubat-ubatan serta sebarang amalan dan perkhidmatan yang tidak selamat<br>H2 – Kesihatan pengguna bertujuan untuk melindungi pengguna daripada tindakan perniagaan yang boleh mengancam kesihatan pengguna<br>H3 – Hak pengguna mendapat ganti rugi jika pengguna tidak menerima barangan dan perkhidmatan sebagaimana yang dijanjikan oleh peniaga<br>H4 – Melindungi hak pengguna mendapat alam sekitar yang bersih ekoran aktiviti perniagaan mencemarkan alam sekitar, iaitu pencemaran udara, air, bunyi dan tanah | 1<br>1<br>1<br>1 |
| | | 4m |
| 2 (b)(i) | F1 – Trend menurun | 1 |
| | | 1m |
| 2(b)(ii) | H1 – Gaya pengurusan yang tidak bersesuaian dengan keadaan pekerja<br>H2 – Sumber manusia yang kurang produktif<br>H3 – Aktiviti pemasaran yang kurang berkesan<br>H4 – Pengeluaran yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan<br>H5 – Tiada teknologi maklumat dan penyelidikan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| | | 5m |

| SOALAN | HURAIAN JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 3 (a) | F1 – Gagal dalam persaingan<br>F2 – Tidak mampu membayar kos perniagaan<br>F3 – Jualan merosot<br>F4 – Imej perniagaan terjejas<br>F5 – Tidak mampu mengembangkan perniagaan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| | | 5m |
| 3 (b) | F1 – Memastikan jumlah sasaran jualan yang telah ditetapkan tercapai<br>F2 – Mengetahui / memahami undang-undang yang melindungi pengguna<br>F3 – Memahami jenis perniagaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan<br>F4 – Menjawab pelbagai soalan daripada pengguna<br>F5 – Mempengaruhi pengguna untuk membeli | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| | | Mak 4m |
| 3 (c) | H1 – Pembangunan produk dan pengujian konsep<br>H2 – Melibatkan pembangunan idea / idea produk yang berpotensi untuk ditawarkan<br>H3 – Proses menguji konsep baharu produk dengan kumpulan-kumpulan pengguna sasaran<br>H4 – Mengetahui konsep tersebut berjaya menarik perhatian atau tidak | 1<br>1<br>1<br>1 |
| | | Mak 3m |

| SOALAN | HURAIAN JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 4 (a) | F1 – Kelayakan yang bersesuaian | 1 |
| | H1 – Kelayakan mengikut keperluan perniagaan / kelayakan akademik dan kelayakan professional / calon yang memohon jawatan tukang masak perlu memiliki kelayakan dalam bidang masakan / makanan | 1 |
| | F2 – Berpengalaman | 1 |
| | H2 – Calon yang berpengalaman diberi keutamaan kerana dapat menjimatkan masa / menjimatkan kos latihan pekerja | 1 |
| | F3 – Berpengalaman dalam industri tertentu | 1 |
| | H3 – Pekerja dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik / calon perlu mempunyai pengalaman sebagai tukang masak | 1 |
| | F4 – Keberkesanan mencapai sasaran individu dan pasukan atau jabatan | 1 |
| | H4 – Komitmen dan daya usaha yang positif membentuk kesepakatan yang harmoni / mencapai sasaran kerja yang ditetapkan | 1 |
| | Mana-mana 3F + 3H, Maks | 6m |
| 4 (b) | H1 – Kualiti dan prestasi perniagaan terjamin | 1 |
| | H2 – Mengelakkan pembaziran tenaga kerja | 1 |
| | H3 – Mengelak berlaku sebarang kesilapan semasa menjalankan tugas | 1 |
| | H4 – Meningkatkan produktiviti perniagaan | 1 |
| | | 4m |

| SOALAN | HURAIAN JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 5 (a) | F1 – Simpanan peribadi<br>H1 – Modal daripada simpanannya berjumlah RM15 000<br>F2 – Modal daripada keuntungan / rizab<br>H2 – Keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan / keuntungan yang diperoleh sebagai modal pusingan | 1<br>1<br>1<br>1 |
| | | 4m |
| 5 (b) | F1 – A = Jualan<br>F2 – B = Belian<br>F3 – C = Untung kasar | 1<br>1<br>1 |
| | | 3m |
| 5 (c) | H1 – Mengetahui kedudukan kewangan sesebuah perniagaan / aset perniagaan / aset semasa / aset bukan semasa.<br>H2 – Mengetahui jumlah tanggungan perniagaan / ekuiti pemilik / liabiliti semasa / liabiliti bukan semasa.<br>H3 – Mengetahui tanggungan / hutang perniagaan kepada pihak luar.<br>H4 – Mengetahui komponen ekuiti pemilik menerusi modal yang disumbangkan / untung bersih / rugi bersih daripada kegiatan perniagaan | 1<br>1<br>1<br>1 |
| | | Mak 3m |

| SOALAN | HURAIAN JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 6 (a) | F1 – Tempat yang mempunyai tumpuan ramai | 1 |
| | H1 – Perlu memasarkan produk keluaran sambal yang mempunyai tumpuan ramai agar jualan meningkat | 1 |
| | F2 – Terdapat kemudahan infrastruktur | 1 |
| | H2 – Terdapat kemudahan tempat letak kereta / bekalan air / elektrik / sistem pengangkutan / komunikasi | 1 |
| | F3 – Berhampiran dengan pelanggan dan pembekal | 1 |
| | H3 – Lokasi berhampiran taman perumahan / tempat mendapatkan bahan mentah | 1 |
| | F4 – Mudah dikunjungi | 1 |
| | H4 – Lokasi yang strategik memudahkan pelanggan untung datang ke premis perniagaan | 1 |
| | Mana-mana 3F + 3H, Maks | 6m |
| 6 (b) | F1 – Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan dan lessen perniagaan di tempat yang boleh dilihat dengan jelas | 1 |
| | F2 – Mempamerkan papan tanda perniagaan yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan | 1 |
| | F3 – Nama dan nombor pendaftaran perniagaan tertera pada dokumen rasmi perniagaan sepert resit, invois dan nota serahan | 1 |
| | F4 – Memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaan bila-bila masa sebelum tempoh 30 hari selepas pemerbadanan sesebuah syarikat | 1 |
| | F5 – Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam masa 30 hari dari tarikh perubahan (jika terdapat perubahan) | 1 |
| | F6 – Menamatkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan. | 1 |
| | | Mak 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHAGIAN B (SET 1)**

| NO SOALAN | BUTIRAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 7(a)(i) | Jenis pemilikan perniagaan yang sesuai ditubuhkan oleh Danish dan Muizz ialah<br>**F1 - Perkongsian**<br>H1 - dapat berkongsi kemahiran dan kepakaran<br>H2- modal lebih besar dapat dikumpulkan oleh rakan kongsi<br>H3 - tidak banyak peraturan yang perlu dipatuhi/ mudah ditubuhkan<br>H4 - bilangan rakan kongsi 2 orang dan lebih<br>H5 - beban tugas dapat dikongsi bersama rakan kongsi | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>Maks 4m |
| 7(a)(ii) | Prosedur yang perlu dilakukan oleh Danish dan Muizz untuk menubuhkan perniagaan mereka ialah<br><br>H1- melengkapkan Borang Kelulusan Nama Perniagaan (PNA42)<br>H2- melengkapkan Borang Pendaftaran Perniagaan ( Borang A)<br>H3- menghantar permohonan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)<br>H4- membuat bayaran RM30 jika nama sendiri atau RM60 jika nama tred<br>H5- mendapatkan Borang D ( Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan )<br>H6- mendapatkan lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | <br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>**Maks 6m** |
| 7(b) | **F1- Setuju**<br>H1- dapat melahirkan idea baharu<br>H2- pekerja baharu mempunyai kemahiran baharu dan terkini<br>H3- pekerja baharu mempunyai semangat yang berkobar-kobar untuk menjalankan tugas<br>H4- pekerja yang telah berkhidmat lama mungkin akan mempunyai pengetahuan stereotaip<br>H5- En Leey tidak akan memperolehi idea baharu daripada pekerja lama<br>H6- akan berlaku kekosongan jawatan jika pekerja dinaikan pangkat.<br><br>**F2- Tidak setuju**<br>H1a- Pekerja akan lebih bermotivasi untuk bekerja kerana mungkin akan dinaikkan pangkat.<br>H2a- Pekerja dalaman lebih memahami budaya organisasi / menyebabkan progran imduksi tidak perlu dijalankan<br>H3a- Maklumat dan prestasi pekerja dalaman sudah diketahui oleh En Leey.<br>H4a- memerlukan program induksi bagi pekerja baharu<br>H5a- mengambil masa untuk memahami budaya organisasi<br>H6a- memerlukan kos merekrut yang tinggi. | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br><br>**Maks 5m** |

| | | |
|---|---|---|
| 8(a) | Pusing Ganti Aset = Jualan Bersih / Jumlah Aset<br><br>2018 = 5.6 juta / 8.6 juta<br>= 0.65 kali<br><br>2019 = 4.8 juta / 8.9 juta<br>= 0.54 kali<br><br>F1 - Tahun 2018<br>H1- menunjukkan aset dapat digunakan dengan cekap dalam menjana jualan . | 1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**Maks 6m** |
| 8(b)(i) | Jenis pembiayaan yang sesuai untuk membeli aset tersebut ialah<br>**F1- Pembiayaan Luaran/sewa beli**<br>H1- menyewa aset dengan tujuan untuk membeli aset tersebut<br>H2- Bank atau institusi kewangan akan membeli aset tersebut dan menyewakannya kepada usahawan.<br>H3- Usahawan akan mendapat hakmilik ke atas aset jika semua ansuran telah dijelaskan. | <br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>**Maks 3m** |
| 8(b)(ii) | kelebihan dan kelemahan sumber pembiayaan di b(i) ialah<br>H1- tempoh ansuran dapat dibuat mengikut kemampuan pembeli<br>H2- Jumlah pinjaman dapat disesuaikan dengan keperluan semasa<br>H3- dapat menggunakan aset untuk mencari pendapatan<br>H4- taraf hidup meningkat dapat guna aset yang mahal<br>H5- memerlukan penjamin/cagaran<br>H6- dikenakan faedah yang tinggi/ harga lebih mahal<br>H7- tertakluk kepada syarat pinjaman/sewabeli<br>H8- menanggung kerugian sekiranya aset ditarik balik | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Maks 6m** |
| 9(a) | Kekuatan diri yang ada pada Pn Hafizah ialah<br><br>**F1- Kemahiran pembangunan karektor diri**<br>H1- diperolehi daripada pengalaman dan cbaran dalam perniagaan<br>H1a- kebolehan membuat keputusn, kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan, membut perancangan perniagaan<br><br>**F2- Fokus tenaga dan tumpuan**<br>H2-bijak menetapkn visi dan misi perniagaan dan fokus dalam perkara yag membawa kejayaan perniagaan.<br><br>**F3- Perhubungan baik dengan pasangan**<br>H3- mampu berkerjasama dan berkomunikasidengan jelas dan berkesan dengan rakan sekerja dan semua pihak dalam organisasi.<br><br>**F4- Keupayaan membina jenama**<br>H4- Pn Hafizah berjaya memperkenalkan jenama ‘Epok2 AleAle’ yang kukuh dan dapat menyakinkan ramai pelanggan.<br>H4a- berupaya memastikan kualiti produk demi mengekalkan nama baik jenama. | <br><br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1 |

| | | |
|---|---|---|
| | **F5- Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu**<br>H5- peka dengan masalah kecil dan cuba menylesaikan masalah tersebut dengan cepat bagi mengelakkan situasi yang lebih merugikan perniagaan.<br>**3F + 3H** | 1<br>1<br><br><br>**Maks 6m** |
| 9(b) | Pn Hafizah menganggap latihan sangat penting kepada diri dan pernigaannya kerana<br>H1- memberi dorongan supaya Pn Hafizah dapat mengemukakan rancangan dan tindakan untuk memulakan sesuatu projek.<br>H2- membuat perancangan jangka masa panjang untuk mengembangkan perniagaan sedia ada.<br>H3- memberi motivasi kepada Pn Hafizah ke arah mencapai matlamat dalam memajukan perniaaannya.<br>H4- menerapkan etika perniagaan yang progresif dan sikap positif dalam diri usahawan.<br>H5- membolehkan Pn Hafizah mengikuti perkembangan teknologi terkini dan mampu bersaing dalam pasaran terbuka<br>H6- mampu menggunakan teknologi tekini dan meningkatkan produktiviti pengeluran secarabesar-besaran. | <br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>**Maks 3m** |
| 9(c) | Jenis promosi yang digunakan oleh Pn Hafizah untuk mencapai matlamat perniagaannya ialah<br>F1- **Pengiklanan**<br>H1- merupakan cara komunikasi pemasaran yang dirancang untuk memberitahu dan memujuk pelanggan untuk membeli produk.<br>C1- media cetak, media elektronik, televisyen, radio, surat khabar, majalah, risalah, papan tanda<br><br>F2- **Jualan langsung**<br>H2- kaedah yang melibatkan komunikasi dan pertemuan secara peribadi antara juru jual dengan bakal pelanggan.<br>C2- jualan dari rumah ke rumah, jualan berjumpa pelanggan di kedai makan/ parking kereta.<br><br>F3- **Promosi Jualan**<br>H3- memberi pelbagai insentif untuk menarik minat pembeli agar menambahkan belian mereka bagi tempoh tertentu<br>C3- sempel percuma, cabutan bertuah, pemberian diskaun, kupon, peraduan<br><br>F4- **Publisiti**<br>H4- maklumat mengenai produk dan perniagaan disalurkan melalui media massa/ kos siaran ditanggung oleh pihak media massa<br>C4- dalam majalah/akhbar/televisyen/radio dalam bentuk berita, rencana, dialog,rancangan tv<br>**2F+2H+2C** | <br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>**Maks 6m** |

# PERATURAN PEMARKAHAN

## BAHAGIAN C (SET 1)

| NO SOALAN | BUTIRAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 10 (a) | **F1 Ya**, Encik Izzuddin adalah seorang usahawan kerana :<br>**H1 Tabah /** Tidak berputus asa menghadapi cabaran/ berusaha membangunkan kilang walaupun selepas musnah akibat kebakaran<br><br>**H2 Kreatif dan Inovatif /** Boleh mencipta sesuatu yang baharu/ mengubahsuai sesuatu barangan yang sedia ada/ mengeluarkan sekaya perisa baharu iaitu perisa strawberry<br><br>**H3 Kebolehan Menentukan Visi dan Misi /** Bijak menentukan visi dan misi perniagaannya/ menentukan hala tuju perniagaan/ panduan dalam merancang keyajaan/ Visi "Menjadi Pengeluar Sekaya hingga ke Peringkat Antarabangsa"<br><br>**H4 Fleksibel /** Berkebolehan untuk menukar cara dan menyesuaikan pendekatan perniagaannya dengan situasi tertentu/ menjual atas talian/ mengasaskan laman web e-dagang iaitu "Ezzu Sekaya"<br><br>*Terima huraian lain yang relevan | 1<br>1<br><br><br>1<br><br><br><br>1<br><br><br><br><br>1<br><br><br><br>Maks 4m |
| 10 (b) | Prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang perlu dijalankan oleh Ezzu Industrial Food Sdn Bhd ialah :<br><br>**F1 Perlindungan insurans dan keselamatan**<br><br>H1a Usahawan perlu mengurus risiko perniagaan dengan cara mengambil insurans yang sesuai bagi mengelakkan berlakunya kerugian<br><br>H1b Insurans kebakaran bagi melindungi bangunan, mesin, stok serta kilang dari kebakaran<br><br>H1c Insurans kecurian melindungi perniagaan daripada kehilangan akibat rompakan dan kecurian<br><br>H1d Perniagaan juga boleh mengambil insurans untuk risiko seperti perlindungan wang dan jaminan kesetiaan pekerja<br><br>H1e Encik Izzuddin membeli insurans kebakaran bagi tujuan keselamatan premis perniagaannya<br><br>**F2 Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang**<br><br>H2a Mesin dan peralatan perlu diselenggara secara berkala bagi memastikan operasi berjalan lancar.<br><br>H2b Pengurusan baikpulih peralatan perlu sentiasa dirancang bagi memastikan jika berlaku kerosakan dapat diselesaikan dengan segera | <br><br><br>1<br><br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br>1<br><br><br>1<br><br><br>1 |

| | | |
|---|---|---|
| | H2c Encik Izzuddin meletakkan CCTV di setiap sudut premisnya/ memasang alat penggera / menyediakan alat pemadam api<br><br>H2d Encik Izzuddin juga akan memantau jadual penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pekerjanya.<br><br>2F + 2H | 1<br><br>Maks 4m |
| 10 (c) | Struktur organisasi yang paling sesuai bagi Ezzu Industrial Sdn Bhd ialah<br>H1 Struktur Organisasi Berdasarkan Geografi/ Wilayah<br>H2 Berdasarkan Kawasan pasaran yang menjadi fokus syarikat<br>H3 Memerlukan sejumlah kakitangan yang besar di ibu pejabat bagi tujuan penyelarasan jabatan, unit dan bahagian di pelbagai wilayah<br><br>Lakaran organisasi yang paling sesuai bagi Ezzu Industrial Sdn. Bhd ialah<br><br> | <br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br><br>1 +1 +1+1<br><br>Maks 5m |
| 10 (d) | Pertumbuhan ekonomi negara dikatakan mempengaruhi perniagaan En. Izzuddin apabila :<br>H1 Pertumbuhan ekonomi yang pesat memberikan kesan positif terhadap perniagaan Encik Izzuddin<br>H2 Perniagaan mampu berkembang maju<br>H3 Kadar jualan meningkat/ kadar keuntungan meningkat<br>H4 Taraf hidup masyarakat meningkat/ Penduduk mendapat gaji dan upah yang semakin meingkat | 1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>Maks 2m |
| 10 (e) | Kepentingan teknologi maklumat dalam bahagian fungsian kewangan ialah :<br>H1 Memperoleh maklumat dengan mudah/cepat<br>H2 Aktiviti kewangan dijalankan lebih tepat dan berkesan<br>H3 Dapat menyimpan maklumat dan data<br>H4 Operasi perniagaan lebih efektif/efisien<br>H5 Penggunaan perisian membantu ketepatan pengiraan dan kemasukan data<br>H6 Mengurangkan kesilapan<br>H7 Memudahkan penyampaian/penyebaran maklumat dalam organisasi<br>H8 Membuat keputusan dengan cekap | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>Maks 5m |